



## **PENUTUPAN OPERASI PUSAT PENTADBIRAN MARA SELURUH NEGARA SELARAS USAHA KERAJAAN MENCEGAH PENULARAN WABAK COVID-19**

### **KENYATAAN MEDIA**

**17 MAC 2020**

Selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri mengenai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 melalui perintah kawalan pergerakan, pihak MARA ingin memaklumkan bahawa semua Pusat Pentadbiran MARA akan menghadkan operasi seperti mana berikut:

#### **BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT MARA**

Tingkat 23, Ibu Pejabat  
MARA, 21, Jalan MARA,  
50609 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2613 2000  
Fax: 03-2692 7386  
[www.mara.gov.my](http://www.mara.gov.my)

#### **EDITORIAL CONTACT**

DR. AHMAD SABRI  
BIN KASSIM  
Pengarah  
Bahagian Komunikasi  
Korporat MARA  
Tingkat 23, Ibu Pejabat  
MARA, 21, Jalan MARA,  
50609 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2613 2000  
Fax: 03-2692 7386  
Email: [asabri@mara.gov.my](mailto:asabri@mara.gov.my)

Semua Institusi Pendidikan MARA (IPMA) meliputi MRSM (53 buah), Universiti Kuala Lumpur (13 cawangan), Kolej Poly-Tech MARA (7 cawangan), GIATMARA (231 buah), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (10 institut), Institut Kemahiran MARA (14 institut), Kolej Profesional MARA (6 buah), Kolej MARA (4 buah), German-Malaysian Institute, Kolej Universiti Poly-Tech MARA dan Malaysia-Japan Industrial Institute akan menangguhkan sesi pengajian bermula 18 hingga 31 Mac 2020. Sesi pengajian, kuliah dan latihan industri adalah dihentikan buat sementara waktu dan akan diselaraskan pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak atau dilaksanakan dengan kaedah di atas talian.

Premis perniagaan MARA sama ada kompleks perniagaan, bazar, arked, kawasan industri dan medan selera adalah diarahkan untuk menutup operasi dari 18 hingga 31 Mac 2020 kecuali bagi usahawan yang menjalankan perniagaan yang dibenarkan sahaja iaitu pasar raya, pasar awam, kedai runcit, farmasi dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian.

Semua aktiviti keagamaan termasuk solat berjemaah dan solat Jumaat di surau yang terdapat di IPMA dan premis perniagaan MARA adalah ditangguhkan buat sementara waktu selaras dengan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang telah bersidang pada 15 Mac 2020.

Semua perjalanan warga kerja MARA dan pelajar tajaan MARA ke luar negara akan dikenakan sekatan menyeluruh. Bagi pelajar tajaan MARA yang baru pulang dari luar negara perlulah menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara sukarela (*self-quarantine*) selama 14 hari sebagaimana arahan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Operasi di Pusat Pentadbiran MARA seperti di Ibu Pejabat MARA, 14 buah Pejabat MARA Negeri, 117 buah Pejabat MARA Daerah serta subsidiari MARA akan menghentikan perkhidmatan melibatkan orang ramai bermula 18 hingga 31 Mac 2020. Sebarang urusan berkaitan dengan pembayaran, permohonan, pertanyaan dan sebagainya adalah melalui atas talian dengan melayari Portal MARA di [www.mara.gov.my](http://www.mara.gov.my) atau menghubungi MARA Call Center (MCC) di talian 03-2613 2000. Sila dapatkan maklumat terkini dengan mengikuti saluran media sosial rasmi MARA iaitu:

**<https://www.facebook.com/MajlisAmanahRakyat>**

**<https://www.instagram.com/majlisamanahrakyat>**

**<https://www.twitter.com/maragov>**